



Noor Nariha Rahman



Norazila Anuar



SADIAH Abd Shukor (kanan) menunjukkan kek lapis halal dihasilkannya kepada pengunjung Pameran Makanan Halal di Usim, Nilai, baru-baru ini.

DZULKEFLI MUSTAPHA | BERITA HARIAN

Umat Islam patut rebut peluang status hab halal

Produk ikut syariat perlu diutamakan

Oleh Mohd Amin Jalil
rencanabh@bharian.com.my

KEDUDUKAN Malaysia sebagai negara Islam perlu dimanfaatkan secara berkesan untuk melonjakkan negara menjadi hab halal yang bukan saja mengeluarkan, malah mempromosi dan mengedarkan produk halal untuk pasaran global.

Naib Presiden Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM), Tan Sri Muhammad Ali Hashim, berkata negara yang sudah lama terkenal di kalangan dunia Islam sepatutnya selangkah ke depan untuk menjadi hab halal, berbanding negara lain apatah lagi negara penduduk Islamnya sedikit.

Beliau yang juga Ketua Eksekutif Johor Corporation (JCorp) berkata, komitmen kerajaan terhadap industri halal melalui pelaksanaan dasar bersesuaian dan kewujudan komuniti peniaga Islam menyebabkan negara berada di landasan tepat untuk mencapai status itu.

Bagaimanapun, kelebihan itu tidak berguna jika umat Islam tidak merebut peluang untuk turut meraih keuntungan status hab halal.

"Hab halal tidak sepatutnya di-

sempitkan kepada industri pengeluaran serta pemprosesan makanan saja kerana ia juga meliputi sektor perkhidmatan seperti perbankan dan insurans," katanya ketika membentangkan kertas kerja pada Seminar Makanan Halal 2009 (Hafos 2009) di Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, baru-baru ini. Seminar anjuran Usim dengan kerjasama DPIM itu disertai 300 peserta yang terbabit dalam industri halal, ilmuwan dan mahasiswa. Sebanyak 15 kertas kerja dibentangkan pada seminar tiga hari itu.

Seminar bertujuan memberi peluang kepada peserta memahami dan mengetahui perkembangan terkini industri, aspek kepenggunaan serta penghasilan produk halal.

Sementara itu, Setiausaha Agung Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Dr Ma'amor Osman yang turut membentangkan kertas kerja berkata, pasaran produk halal sangat besar dan mempunyai permintaan tinggi, termasuk di negara bukan Islam.

Katanya, produk halal bukan saja menepati syariat, malah memenuhi piawaian antarabangsa dari segi kebersihan dan keselamatan maka-

nan. Sehubungan itu, katanya, pengeluaran makanan halal perlu memastikan bukan hanya proses pengeluaran, malah bahan mentah yang digunakan adalah halal.

"Pengguna kini lebih bijak dan mahu produk yang bukan saja bersih dan selamat, malah halal.

"Pengeluar perlu mewujudkan keyakinan pengguna terhadap status halal produk," katanya.

Naib Canselor Usim, Prof Datuk Dr Abdul Shukor Husin pula berkata, Hafos yang dianjurkan Usim, universiti sains berteraskan Islam buat kali ketiga bertujuan memperjelaskan pengertian halal kepa-



da masyarakat.

Katanya, isu halal menimbulkan dilema kerana walaupun pelbagai produk makanan di pasaran, tidak semua barang halal.

"Kekeliruan timbul dari segi status halal produk. Walaupun ada label kandungan produk, tiada siapa tahu sama ada maklumat itu benar atau tidak

"Kita bimbang ada pihak cuba ambil kesempatan mengaut keuntungan menipu label halal tanpa memikirkan kesannya kepada umat Islam. Oleh itu, kaedah saintifik perlu digunakan secara meluas," katanya.

“Kita bimbang ada pihak cuba ambil kesempatan mengaut keuntungan menipu label halal tanpa memikirkan kesannya kepada umat Islam. Oleh itu, kaedah saintifik perlu digunakan secara meluas”

Abdul Shukor Husin
Naib Canselor Usim

Mahasiswi Usim, Norazila Anuar, 20, berkata banyak ilmu pengetahuan yang diperoleh menerusi seminar itu terutama dari segi kefahaman terhadap produk halal, sama ada dalam bentuk makanan atau perkhidmatan.

Katanya, produk halal penting kerana dalam Islam, setiap aspek termasuk makanan perlu memenuhi tuntutan syariat, bukan sekadar bersih dan selamat.

"Umat Islam tidak boleh memandang mudah status halal makanan dan perlu memahaminya dengan tepat dan menyeluruh," katanya.

Sementara itu, Noor Nariha Rahman, 19, berkata seminar ini memberinya peluang berkongsi pengetahuan dengan rakan lain untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang Muslim.

Penganjuran seminar dapat mendekatkan orang ramai, terutama mahasiswa dengan produk halal, sekali gus menyokong industri halal yang sepatutnya menjadi pilihan umat Islam.

"Banyak produk halal di pasaran tetapi tidak semua umat Islam memilihnya kerana dipengaruhi iklan dan promosi apabila membeli barang," katanya.